☑ KOSMO
Tarikh: 28/6/2012
Hari: KHAMIS M/S: 7
Ruangan: NEGARA

# UUM tubuh pusat inovasi kumpul hasil penyelidikan

**SINTOK** – Universiti Utara Malaysia (UUM) akan mewujudkan Pusat Inovasi di kampusnya di sini bagi mengumpul secara lebih bersistematik hasil penyelidikan universiti itu.



Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak **(gambar)** berkata, pusat inovasi itu akan dijadikan sebagai makmal penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan penyelidik dan seterusnya mengumpul serta mengkomersialkan produk tersebut.

"Pihak universiti memberi sokongan kepada penyelidik dan akan membantu mereka menghasilkan kajian dengan menyediakan bantuan kewangan, kemudahan peralatan, tempat yang selesa serta komputer berkeupayaan tinggi selain pembantu bagi menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi.

"Universiti perlu memainkan peranan dalam R&D bagi membangunkan negara seiring dengan usaha mencapai taraf negara maju," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Inovasi Penyelidikan dan Penerbitan 2012 di sini malam kelmarin.

Program yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) itu bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada akademia universiti itu yang telah menaikkan imej dalam bidang penyelidikan, inovasi dan penerbitan.

Menurut Mohamed Mustafa, menerusi makmal seperti itu, produk yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk di UUM dapat diketengahkan lagi dan seterusnya manfaat masyarakat dan negara.